

BAYĀN RASULULLAH SAW BERKAITAN SALAH LAKU MORAL MELIBATKAN JANTINA

Mohamad Hussin, Mohd Zaki Abd Rahman & Zulkifli Ismail

ABSTRAK

Kajian ini merupakan kajian teks yang menfokuskan kepada elemen *majāz* dalam *bayān* Rasulullah SAW. Kajian ini menfokuskan kepada elemen *bayān* yang digunakan oleh Rasulullah SAW dalam memperkatakan mengenai salah laku moral melibatkan jantina. Dalam melakukan analisis ini, hadis-hadis yang dinyatakan dalam buku Hadis-Hadis Sahih Berkaitan LGBT keluaran JAKIM (2015) dijadikan sebagai sumber kajian. Fokus kajian ialah perkataan dan ungkapan yang terdapat dalam nas berkaitan yang mengandungi makna *majāz*. Kajian mendapati pertuturan Rasulullah SAW sarat dengan elemen *majāz* sama ada *majāz 'aqliy* atau *majāz lughawiy*. Penggunaan elemen ini menyumbang kepada perluasan makna di samping mampu menjelaskan makna dengan sejumlah kecil perkataan.

Kata kunci: *bayān, majāz, majāz 'aqliy, majāz lughawiy, hadis.*

BAYĀN OF RASULULLAH SAW IN DEALING WITH MORAL MISCONDUCT INVOLVING GENDER

ABSTRACT

This study is a text study that focuses on the elements of majāz in the bayān of Rasulullah SAW. This study focuses on the element of bayān used by Rasulullah SAW in dealing with moral misconduct involving gender. In doing this analysis, the book Hadis-Hadis Sahih Berkaitan LGBT by JAKIM (2015) are used as the source of the study. The focus of the study is the words and expressions found in the relevant nas which contain the meaning of majāz. The study found that Rasulullah SAW was loaded with majāz elements either majāz 'aqliy or majāz lughawiy. The use of this element contributes to the extension of meaning as well as able to explain the meaning with a small number of words.

Keywords: *bayān, majāz, majāz 'aqliy, majāz lughawiy, hadis*

PENDAHULUAN

Matlamat pengutusan Rasulullah SAW diungkapkan melalui firman Allah SWT:

{ وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَّسُولٍ إِلَّا بِلِسَانٍ قَوْمِهِ لِيُبَيِّنَ لَهُمْ }

Terjemahan: “Kami tidak mengutus seorang rasul pun, melainkan dengan bahasa kaumnya, supaya ia dapat memberi penjelasan dengan sejelas-jelasnya kepada mereka” (surah *Ibrāhīm* 14:4).

Untuk menyatakan peranan yang dipertanggungjawabkan kepada rasulNya, Allah SWT menggunakan perkataan *لِيُبَيِّنَ*. Perkataan ini diambil daripada kata akar *بَانَ - يَبِينُ - بَيَانًا* dengan maksud *الكَشْفُ* (menyingkap), *الظُّهُورُ* (nyata), *اتَّضَحَ* (jelas) dan *انْكَشَفَ* (tersingkap) (Ibn Fāris, 1994; Ibn Manzūr, 1994; al-Rāziy, 1987; al-Fayrūzābādīy, 1994). Justeru, peranan yang dimainkan oleh baginda dalam dalam menjelaskan syariat dinamakan *bayān* dan ia merupakan medium yang digunakan baginda S.A.W. dalam menyampaikan risalah Tuhan kepada manusia (Mohamad Syukri, 2010). Oleh yang demikian *bayān* boleh diertikan sebagai suatu pendekatan yang digunakan untuk menyampaikan makna yang diinginkan dengan sejelas-jelasnya sehingga pendengar mendapat makna sebenar seperti yang dikehendaki. Kebolehan sebegini dinamakan *bayān* dan ia disamakan dengan sihir oleh Rasulullah dalam sebuah hadis yang berbunyi:

{ إِنَّ مِنَ الْبَيَانِ لَسِحْرًا }

Terjemahan: *Sesungguhnya sebahagian daripada bayān itu sihir* (al-Bukhāriy: 5767)

Ibn ‘Abbās dalam Ibn Manzūr (1994) diriwayatkan berkata bahawa maksud *bayān* dalam hadis ini ialah menerangkan maksud dengan ungkapan yang paling petah. Ibn Hajar (1989) pula menjelaskan bahawa al-Khaṭṭābiy menyatakan maksud *bayān* dalam hadis ini sebagai sesuatu yang mampu menjelaskan maksud yang dikehendaki dengan apa cara sekalipun. Justeru, al-Jāhiz (1968, jil. 1: 76) mendefinisikan *bayān* sebagai suatu pendekatan bagi semua perlakuan yang menjelaskan makna dan mendedahkan maksud sehinggakan pendengar mendapat makna sebenar dan memahami kandungan yang disampaikan.

Jika diperhatikan kepada hadis yang dinyatakan, perkataan *bayān* digunakan dengan maksud menerangkan, menjelaskan dan juga menyatakan. Suatu ungkapan yang mampu menjelaskan maksud, membuatkan seseorang tertarik lalu mengubah pandangan dan

menerima idea yang dikemukakan diumpamakan seperti sihir yang boleh mempengaruhi seseorang menerima dan mempercayainya (Ibn Hajar, 1989). Al-Aṣfahāniy (1997: 158) menegaskan percakapan manusia dinamakan *bayān* kerana ia mampu menyingkap makna yang ingin disampaikan.

Sehubungan dengan itu, perlu ditegaskan bahawa *bayān* Rasulullah S.A.W. bersifat umum merangkumi semua kategori penjelasan dan penerangan sama ada berbentuk perkataan atau perbuatan atau perakuan. Walaupun demikian, dalam kajian bahasa, para pengkaji cenderung mengkhususkan maksud *bayān* Rasulullah S.A.W. ini kepada *bayān* dalam bentuk perkataan atau ungkapan baginda S.A.W. sahaja, kerana skop perbincangan mereka lebih menjuruskan kepada perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam pertuturan sebagaimana yang ditegaskan oleh al-Ṣabbāgh (1988:19) dan Nūr al-Dīn ‘Itir dalam Ḥamūd (2010: 701).

Kajian ini bertujuan untuk melihat elemen *bayān* dalam hadis Rasulullah SAW dengan tumpuan khusus kepada hadis-hadis berkaitan dengan salah laku moral yang melibatkan jantina. Dalam melakukan analisis, hadis-hadis yang terdapat dalam buku Hadis-Hadis Sahih Berkaitan Perlakuan LGBT keluaran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2015) dijadikan sebagai asas kajian.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang dihuraikan secara diskriptif. Dalam melakukan penganalisan data kajian, kaedah kepustakaan digunakan. Data-data terkumpul diambil daripada hadis-hadis yang terdapat dalam buku Hadis-Hadis Sahih Berkaitan Perlakuan LGBT keluaran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2015) dan dianalisis menggunakan kamus, kitab tafsir dan buku-buku, thesis serta jurnal yang berkaitan. Buku ini dijadikan asas kajian kerana ia dikeluarkan oleh badan agama yang berautoriti selain mengandungi hadis yang disahkan sahih oleh badan berkenaan.

Dalam melakukan penganalisan data, hadis yang terdapat dalam kitab berkenaan dikeluarkan, dinyatakan sumber ambilan asalnya, kemudian dicerakinkan mengikut pembahagian perbahasan *majāz* berdasarkan pendekatan *majāz* oleh al-Hāshimiy (1998). Setiap perkataan yang mengandungi elemen *majāz* dikeluarkan dan dijelaskan makna sebenar dan makna baharu yang menyimpang daripada makna asal serta perkaitan antaranya. Analisis dijalankan ke atas perkataan atau

ungkapan yang digunakan dengan maksud *majāz* termasuk jenis *majāz* sama ada *'aqliy* atau *lughawiy* serta perkaitan antara makna asal dengan makna baharu.

Dalam menganalisis elemen *majāz* ini, pendekatan yang diambil ialah mencari makna dasar dan makna *majāz* sahaja. Makna dasar ialah makna asal sesuatu lafaz kata yang sentiasa di bawa ke mana-mana sahaja. Manakala makna *majāz* ialah makna yang akan berubah bergantung kepada penggunaan dalam ayat. Makna dasar diperoleh daripada pencarian daripada kamus. Manakala makna *majāz* diperoleh melalui analisis hubungan antara perkataan yang berada sebelum dan selepasnya dengan membuat perbandingan konsep yang wujud dalam perkataan dan ungkapan yang dikaji. Kemuncak kepada analisis kepelbagaian elemen *majāz* dalam hadis kajian akan membawa kepada kefahaman terhadap kepelbagaian penggunaan elemen *majāz* dalam hadis Rasulullah SAW.

***Majāz* Dalam *Bayān* Rasulullah SAW**

Salah satu bentuk *bayān* Rasulullah SAW ialah menggunakan pendekatan *majāz* dalam pertuturan. *Majāz* bermaksud memindahkan makna perkataan daripada makna asal kepada makna lain apabila digunakan (al-Hāshimiy, 1998). *Majāz* boleh dibahagikan kepada dua iaitu *majāz 'aqliy* dan *majāz lughawiy*.

Sekiranya perpindahan makna berlaku kerana berlaku sandaran kata kerja kepada bukan pelakunya ia dinamakan *majāz 'aqliy*. Ia berlaku apabila disandarkan suatu perlakuan atau yang sama makna dengannya kepada bukan pelakunya. Justeru, *majāz* jenis ini hanya berlaku pada satu ungkapan ('Atīq, t.th). Contohnya firman Allah SWT: ﴿يَا هَامَانَ﴾
﴿لِي صَرْحًا لِّعَلِّي أَبْلُغُ الْأَسْبَابَ﴾ “Wahai Hāmān! binalah utukku sebuah bangunan tinggi, semoga aku sampai ke jalan yang aku hendak menujunya” (surah *Ghāfir* 40:36). Menyandarkan perlakuan membina bangunan tinggi kepada Hāmān, seorang menteri Fir'aun adalah *majāz 'aqliy* kerana Hāmān tidak membina menara itu. Tetapi yang membinanya ialah para pekerja.

Majāz lughawiy pula terjadi apabila berlaku perpindahan makna daripada makna asal kepada makna baharu kerana melibatkan hubungan dan petunjuk ('Atīq, t.th). Sekiranya perpindahan makna berlaku kerana melibatkan hubungan antara makna baharu dengan

makna asal dan petunjuk pula menghalang pendengar daripada memahami makna asal perkataan, manakala hubungan antara makna asal dengan makna baharu ialah hubungan persamaan ia dinamakan *isti'ārah*. Contohnya perkataan الأَسَدُ (singa) yang digunakan dengan makna seorang yang berani kerana wujud hubungan persamaan antara keduanya iaitu kedua-duanya berani.

Sekiranya hubungan antara keduanya bukan hubungan persamaan ia dinamakan *majāz mursal*. *Majāz* ini dinamakan *majāz mursal* kerana ia mempunyai hubungan yang berbagai-bagai (Lāshin, 1998). Contohnya, sabda Rasulullah SAW:

الْيَدُ الْعُلْيَا خَيْرٌ مِنَ الْيَدِ السُّفْلَى

Terjemahan: “tangan di atas lebih baik daripada tangan di bawah” (al-Bukhāriy: 6441; Muslim: 2385).

Rangkaian kata الْيَدُ الْعُلْيَا (tangan di atas) dan الْيَدِ السُّفْلَى (tangan di bawah) digunakan secara *majāz mursal* untuk merujuk kepada orang yang membelanjakan harta dan orang yang meminta. Dinyatakan tangan yang merupakan sebahagian daripada anggota tubuh manusia, tetapi yang dimaksudkan ialah seorang manusia. Justeru, terdapat *majāz mursal* dengan hubungan sebahagian sesuatu iaitu dinyatakan sebahagian sesuatu tetapi yang dimaksudkan ialah keseluruhan entiti berkenaan (‘Abbās, 2009: 265)

Sekiranya petunjuk tidak menghalang makna asal dan antara keduanya dihubungkan dengan partikel كَ atau كَانْ atau seumpamanya, ia dinamakan *tashbīh* dan sekiranya tidak dihubungkan dengan partikel berkenaan ia dinamakan *kināyah*. Contohnya sabda Rasulullah SAW:


فِي كُلِّ ذَاتٍ كَبِدٌ رَطْبَةٌ أَجْرٌ

Terjemahan: “melakukan ihsan kepada semua yang mempunyai hati yang basah ada pahala” (al-Bukhāriy, no hadis: 6009; Muslim, no hadis: 5820).

Dalam hadis ini terdapat penggunaan rangkaian kata bukan dengan maknanya yang asal iaitu كَبِدٍ رَطْبَةٌ (hati yang basah). Rangkaian kata “hati yang basah” digunakan dengan makna “makhluk bernyawa” kerana basah adalah kelaziman bagi sesuatu yang hidup (Ibn Hajar,

1989, jil. 5: 54). Walaupun begitu tidak ada sebarang petunjuk yang menghalang pendengar daripada memahami ungkapan berkenaan dengan maksud yang asal. *Majāz* jenis ini dikenali sebagai *kināyah* simbolik sifat.

Huraian mengenai pembahagian *majāz* boleh dipaparkan seperti rajah berikut:



Rajah 1: Pembahagian *majāz* mengikut pendekatan al-Hāshimiy 1998.

Ungkapan Rasulullah SAW mengandungi banyak elemen *majāz* sebegini dan perlu difahami dengan makna *majāz* untuk mengelakkan kekeliruan (al-Qaraḍāwiy, 2002). Umpamanya baginda menyatakan beberapa sungai adalah sungai syurga dalam sebuah hadis:

سَيِّحَانٌ وَجَيْحَانٌ وَالْفُرَاتُ وَالنَّيْلُ كُلٌّ مِنْ أَنْهَارِ الْجَنَّةِ

Terjemahan: “*Sayhān, Jayhān, Furāt dan Nayl semuanya antara sungai-sungai syurga*” (Muslim, no hadis: 7090)

Menurut Ibn Ḥazm (2003) hadis ini perlu difahami dengan makna *majāz* dan menjadi salah untuk memahaminya dengan makna asal iaitu sungai-sungai berkenaan mengalir dari syurga. Sebaliknya maksud

yang ingin dinyatakan ialah keberkatan sungai-sungai berkenaan disandarkan kepada syurga. Seperti juga ungkapan “hari ini antara hari-hari syurga” digunakan untuk menggambarkan satu hari yang baik.

Oleh kerana tugas menyampaikan dakwah dan menjelaskan syariat serta hukum-hakam merupakan tanggungjawab besar, Rasulullah memerlukan penguasaan *bayān* yang tinggi. Hal ini kerana orang yang diberi tanggungjawab melaksanakannya bertanggungjawab memberikan gambaran yang jelas terhadap perkara yang disampaikan, terutamanya yang melibatkan perkara ghaib atau perkara yang akan berlaku, atau kesan dan akibat sesuatu tindakan, supaya pendengar dapat merasainya dan mengelakkan diri daripada terjerumus ke dalam perkara tersebut sekiranya ia ditegah (Balba', 2008). Menurut al-Bayyūmiy (1987: 216) ketinggian *bayān* Rasulullah S.A.W. tidak dipertikaikan kerana keberkesanannya menyebabkan ia mampu menggonggong kepercayaan yang berakar umbi dalam masyarakat, malah melenyapkannya terus. Sebaliknya baginda mampu membina kepercayaan baru yang sempurna dan mantap.

Berkaitan dengan konteks ini, Rasulullah S.A.W. dikesan menggunakan pelbagai pendekatan dalam menyampaikan sesuatu idea. Umpamanya, dalam menjelaskan tentang peranan puasa, Rasulullah S.A.W. menggunakan pendekatan *tashbīh*, *kināyah* dan juga *isti'ārah* dalam situasi yang berbeza. Dalam menggambarkan peranan puasa yang mampu mengawal nafsu syahwat, baginda S.A.W. bersabda:

حَصَاءُ أُمَّتِي الصِّيَامُ

Terjemahan: *Kasi umatku adalah puasa* (Ahmad, no hadis 6722).

Merujuk kepada konteks, hadis ini diucapkan oleh Rasulullah S.A.W. kepada seorang pemuda yang datang meminta kebenaran untuk melakukan kasi bagi mengawal keinginan nafsunya (Ahmad, hadis 6722). Lalu Rasulullah S.A.W. bersabda: “*Kasi umatku adalah puasa*”.

Menurut al-Sharīf al-Radīy (1937: 73) hadis ini datang dengan makna *majāz*. Rasulullah S.A.W. ingin menyatakan tentang peranan puasa yang mampu mematikan keinginan syahwat sepertimana amalan kasi juga lazimnya boleh mengawal dan memutuskan syahwat. Amalan kasi

adalah merupakan amalan memotong atau mengikat saluran pembiakan pada saluran pembiakan jantan untuk mengawal keinginannya (*Mu'jam al-Wasīt*, 1987: 239). Sebagaimana amalan kasi pada binatang boleh mengawal keinginan syahwatnya, begitu juga dengan puasa yang dilakukan secara berterusan, juga mampu membendung runtunan nafsu syahwat. Menurut 'Abbās (2009: 307) dan 'Izz al-Dīn (1984: 224) elemen *bayān* yang digunakan dalam hadis ini adalah *kināyah* simbolik diri yang menunjukkan kesan mendalam puasa dalam mengawal nafsu.

Dalam memperkatakan tentang peranan puasa yang mampu membentuk akhlak manusia, Rasulullah S.A.W. bersabda:

الصِّيَامُ جُنَّةٌ

Terjemahan: “Puasa itu perisai” (al-Bukhāriy, no hadis 1770; Muslim, no hadis 2299).

Ibn Hajar (1989, jil. 4: 130) memindahkan beberapa riwayat yang menerangkan maksud perisai dalam hadis ini. Antaranya riwayat daripada Abu al-Zinnād “perisai daripada neraka”, riwayat ‘Amru bin al-‘Āṣ “perisai seperti perisai kamu ketika peperangan” dan al-Dārimiy “puasa itu perisai selagi mana kamu tidak mencarikkannya dengan mengumpat”. Al-Nawawiy (1994, jil. 9: 272) pula merumuskan maksud perisai dalam hadis ini sebagai perisai dan penghalang daripada mengumpat dan melakukan dosa serta perisai daripada api neraka.

Dalam hadis ini Rasulullah S.A.W. mengumpamakan puasa bagaikan perisai. Sebagaimana perisai mampu menahan tuannya daripada tercedera dalam peperangan, begitu juga puasa mampu menjadi pendinding daripada terjerumus kepada perkara-perkara yang dilarang agama yang bakal menghancurkan pelakunya ke dalam neraka. Justeru terdapat penggunaan *tashbīh balīgh* dalam hadis ini. Menurut 'Izz al-Dīn (1984: 181) *tashbīh balīgh* puasa dengan perisai yang digunakan dalam hadis memberikan gambaran secara boleh nampak dan boleh ditanggap oleh pancaindera tentang peranan puasa.

Dalam memperkatakan tentang peranan puasa dalam mengawal nafsu syahwat manusia, Rasulullah S.A.W. turut bersabda:

إِنَّ الصَّوْمَ وَجَاءٌ

Terjemahan: “*Sesungguhnya puasa itu wija*” (al-Bukhāriy, no hadis 1781; Muslim, no hadis 3384).

Merujuk kepada keseluruhan konteks hadis, Rasulullah S.A.W. sedang memperkatakan mengenai kewajipan berkahwin bagi orang yang mampu. Manakala bagi golongan yang tidak mampu, baginda menyarankan agar berpuasa kerana puasa berperanan mengawal nafsu syahwat manusia (al-Bukhāriy, no hadis 1781).

Dalam *Mu'jam al-Wasīf* (1989: 1012) perkataan *وَجَاء* diertikan sebagai perlakuan mengikat saluran pembiakan yang terletak di antara dua testis lelaki. Perlakuan ini seumpama dengan amalan mengkasi atau kembiri yang dilakukan kepada binatang ternak. Menurut Ibn Hajar (1989, jil. 4: 149) perlakuan ini menghilangkan keinginan syahwat. Maksud yang ingin disampaikan ialah puasa itu mampu menangani masalah berkeinginan kepada wanita sekiranya dilakukan secara berterusan dan menjadi kebiasaan. Manakala al-Nawawiy (1994, jil. 9: 177) menegaskan makna hadis ini ialah puasa memutuskan syahwat seperti juga *wijā'* lazimnya juga boleh memutuskan syahwat. Dalam konteks ini Rasulullah S.A.W. telah menggunakan satu kata untuk menunjukkan satu makna kata yang lain kerana adanya hubungan persamaan antara dua kata berkenaan. Penggunaan perkataan *wijā'* untuk mengisyaratkan kepada puasa kerana adanya hubungan persamaan antara keduanya iaitu kedua-duanya lazimnya boleh memutuskan syahwat dan mengawal nafsu dinamakan *isti'ārah*.

Dalam memperkatakan mengenai kelebihan puasa pula, Rasulullah S.A.W. menyatakan puasa berperanan memberi syafaat di akhirat kelak:

الصِّيَامُ وَالْقُرْآنُ يَشْفَعَانِ لِلْعَبْدِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Terjemahan: “*Puasa dan al-Quran memberi syafaat kepada seseorang hamba pada hari kiamat* (Ahmad, no hadis: 6736).

Dalam *Lisān al-'Arab*, perkataan *الشَّفَاعَة* diertikan sebagai meminta pertolongan bagi pihak lain supaya dibebaskan daripada dosa dan kesalahan yang dilakukan (Ibn Manzūr, 1994, jil. 8: 184). Justeru, hadis ini menerangkan mengenai peranan amalan puasa yang akan memberi syafaat kepada pelakunya dengan ia meminta daripada Allah

S.W.T. supaya diampunkan pengamalannya dan dimasukkan ke dalam syurga.

Menurut al-Munāwiy (1972: 252) hadis ini boleh difahami dengan makna *majāz*. Sekiranya difahami maksudnya secara *majāz*, ini bererti sifat-sifat insan disandarkan kepada sesuatu yang bukan insan. Personifikasi dengan menyandarkan sifat-sifat insan kepada benda yang tidak bernyawa atau abstrak dinamakan sebagai *isti'ārah* dan *isti'ārah* jenis ini dikenali sebagai *tashkhīs*.

Jadual 1: Elemen *bayān* Rasulullah S.A.W. dalam menyatakan peranan puasa

Hadis	Makna	Elemen <i>Bayan</i>	Jenis <i>Bayān</i>
الصِّيَامُ جُنَّةٌ	Puasa itu <u>perisai</u>	<i>Tashbīh balīgh</i>	<i>majāz</i> <i>lughawiy</i>
حِصَاةٌ أُمَّتِي الصِّيَامُ	<u>Kasi umatku</u> adalah puasa	<i>Kināyah</i> simbolik diri	<i>majāz</i> <i>lughawiy</i>
الصَّوْمُ وَجَاءٌ	Puasa itu bagaikan <u>wijā'</u>	<i>Isti'ārah</i>	<i>majāz</i> <i>lughawiy</i>
الصِّيَامُ وَالْقُرْآنُ يَشْفَعَانِ	Puasa dan al- <u>Quran memberi syafaat</u>	<i>Isti'ārah</i>	<i>majāz</i> <i>lughawiy</i>

Berdasarkan jadual 2.2 di atas, Rasulullah S.A.W. didapati menggunakan pendekatan *majāz* yang berbeza dalam menyampaikan sesuatu idea. Dalam menyatakan mengenai peranan puasa yang mampu membendung nafsu syahwat, baginda S.A.W. menggunakan pendekatan *kināyah*, dan *isti'ārah*. Dalam menggambarkan peranan puasa yang mampu membentuk akhlak mulia, baginda S.A.W. menggunakan pendekatan *tashbīh balīgh* dan dalam memperkatakan mengenai kelebihan puasa, baginda S.A.W. menggunakan pendekatan *isti'ārah*.

Keistimewaan yang nyata daripada contoh-contoh *bayān* Rasulullah S.A.W. yang dinyatakan ialah lafaznya ringkas ('Izz al-Dīn, 1984: 439) atau ungkapan yang sangat sedikit tetapi menghimpunkan makna yang sangat banyak ('Abd al-Salām, 1403H: 74). Inilah yang digambarkan oleh al-Rāfi'iy (1998: 91) bahawa *bayān* baginda terbina di atas tiga elemen iaitu murni, ringkas dan tepat.

Puasa digambarkan secara kiasan dengan amalan kasi atau kembiri untuk menunjukkan peranannya yang mampu mengawal runtunan nafsu, diumpamakan dengan perisai untuk menunjukkan peranannya membentuk akhlak mulia serta dinyatakan secara personifikasi untuk menunjukkan keistimewaan puasa yang mampu menolong pengamalnya di akhirat kelak. Justeru, keistimewaan *bayān* Rasulullah S.A.W. sangat ketara. Hubungan antara lafaz dan makna yang diinginkan sangat jelas (al-Rāfi‘iy, 1998: 80) dengan pemilihan perkataan yang sangat tepat untuk memaparkan makna yang dikehendaki.

Unsur perbandingan dalam *tashbīh* Rasulullah S.A.W. datang dalam bentuk yang sangat jelas, mudah, melakarkan kepada pendengar dan pembaca gambaran penuh seakan-akan dia melihat dan hidup bersamanya (Sha‘bān, 2007: 195). Hal ini demikian kerana *tashbīh* Rasulullah S.A.W. bertujuan memberikan penerangan dan penjelasan. Justeru ia sangat dekat dengan pemahaman dan pemikiran manusia (al-Thaqafiy, 2002: 400). Rasulullah S.A.W. juga didapati menggunakan elemen berbentuk estetik apabila memberikan unsur personifikasi kepada puasa yang digambarkan akan mendoakan pengamalnya untuk melepaskannya daripada azab dan neraka. Hal ini bertepatan dengan dapatan Hamūd (2010: 720) yang menegaskan bahawa *bayān* baginda S.A.W. kaya dengan unsur-unsur gambaran estetik seperti *tashkhiṣ*, *tajsiḍ* dan seumpamanya.

***Bayān* Rasulullah SAW berkaitan dengan salah laku moral melibatkan jantina**

Berkenaan dengan salah laku moral yang melibatkan jantina, terdapat beberapa hadis yang diriwayatkan daripada Rasulullah SAW dan dinukilkan dalam buku Hadis-Hadis Sahih Berkaitan LGBT yang dikeluarkan oleh JAKIM (2015). Hadis-hadis berkenaan ialah:

1) لَا تُبَاشِرُ الْمَرْأَةَ الْمَرْأَةَ إِلَّا وَهْمَا زَانِيَتَانِ ، وَلَا يُبَاشِرُ الرَّجُلُ الرَّجُلَ إِلَّا وَهْمَا زَانِيَانِ .

Terjemahan: *Tidaklah bersentuhan kulit antara seorang wanita dengan seorang wanita melainkan mereka berdua itu berzina, dan tidaklah bersentuhan kulit antara lelaki dengan lelaki melainkan mereka berdua itu berzina* (al-Ṭabrānīy, no hadis: 8807).

2) مَنْ وَجَدْتُمُوهُ يَعْمَلُ عَمَلِ قَوْمِ لُوطٍ فَأَقْتُلُوا الْفَاعِلَ وَالْمَفْعُولَ بِهِ

Terjemahan: *Sesiapa yang kamu dapati melakukan amalan kaum nabi Lūt maka bunuhlah kedua pelakunya* (al-Tirmīziy, no hadis: 1481)

3) لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُتَشَبِّهِينَ مِنَ الرِّجَالِ بِالنِّسَاءِ وَالْمُتَشَبِّهَاتِ مِنَ النِّسَاءِ بِالرِّجَالِ

Terjemahan: *Rasulullah SAW melaknat golongan lelaki yang menyerupai wanita dan golongan wanita yang menyerupai lelaki* (al-Bukhāriy, no hadis: 5885, al-Tirmīziy, no hadis: 2935, Abū Dāwūd, no hadis:4091).

4) لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُخَنَّثِينَ مِنَ الرِّجَالِ وَالْمُتَرَجَّلَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَقَالَ أَخْرِجُوهُمْ مِنْ بُيُوتِكُمْ وَأَخْرِجِ النَّبِيَّ فُلَانًا وَأَخْرِجِ عُمَرَ فُلَانًا

Terjemahan: *Rasulullah SAW melaknat lelaki yang bersifat kewanitaan dan wanita yang bersifat kekelakian. Baginda bersabda: Keluarkan mereka dari rumah-rumah kamu. Nabi mengeluarkan si polan dan Umar r.a mengeluarkan si polan.* (al-Bukhāriy, no hadis: 5886; al-Tirmīziy, no hadis:2936).

5) لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرَّجُلَ يَلْبَسُ لِبْسَ الْمَرْأَةِ، وَالْمَرْأَةَ تَلْبَسُ لِبْسَ الرَّجُلِ.

Terjemahan: *Rasulullah SAW melaknat lelaki yang memakai pakaian wanita dan wanita yang memakai pakaian lelaki* (Abū Dāwūd, no hadis: 4092).

Berdasarkan kepada hadis-hadis yang telah dinyatakan, terdapat pendekatan *majāz* yang digunakan untuk menjelaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan salah laku moral melibatkan jantina. Elemen *majāz* dapat diperhatikan melalui penggunaan perkataan لعن dengan makna doa supaya diazab yang digandingkan dengan perkataan الرَّجُلُ يَلْبَسُ لِبْسَ الْمَرْأَةِ ، وَالْمُتَرَجَّلَاتِ ، الْمُخَنَّثِينَ ، الْمُتَشَبِّهَاتِ ، الْمُتَشَبِّهِينَ dan ungkapan الْمَرْأَةُ تَلْبَسُ لِبْسَ الرَّجُلِ (lelaki memakai pakaian wanita) dan وَالْمَرْأَةُ تَلْبَسُ لِبْسَ الرَّجُلِ (perempuan memakai pakaian lelaki). Begitu juga didapati terdapat elemen *majāz* melalui penggunaan ungkapan berikut; تَبَايَسْرُ (saling menyentuh kulit) dan عَمَلِ قَوْمِ لُوطٍ (amalan kaum nabi Lūt).

Elemen *majāz* dalam *bayān* Rasulullah SAW berkaitan dengan salah laku moral yang melibatkan jantina

Elemen *majāz* dalam hadis-hadis kajian boleh disimpulkan seperti berikut:

1- Penggunaan perkataan لَعَنَ dengan makna mendoakan supaya diazab Celaan Rasulullah SAW terhadap perlakuan sumbang berkaitan salah laku moral yang melibatkan jantina, dizahirkan dengan menggunakan perkataan لَعَنَ. Kata dasar perkataan ini ialah لَعْنًا - يُلْعَنُ - لَعْنٌ. Dalam *Lisān al-‘Arab* dinyatakan lima makna untuk kata dasar ini iaitu (الإبعاد) dijauhkan, (الطرد) disingkir, (السب) celaan, (العذاب) azab dan (المسخ) dibinasakan. Sekiranya pernyataan laknat daripada Allah SWT, ia datang dengan makna orang yang menerima laknat akan dijauhkan daripada mendapat kebaikan dan disingkirkan daripada mendapat rahmat Allah, menerima azab serta akan binasa. Sekiranya ia daripada manusia ia bermaksud celaan dan doa (Ibn Manzūr, 1999).

Menurut al-Asfahāniy (1998) maksudnya ialah disingkir dan dijauhkan sebagai satu bentuk kemurkaan. Sekiranya laknat itu daripada Allah, ia adalah satu bentuk balasan di akhirat dan di dunia, orang yang dilaknat tidak mendapat rahmat dan taufikNya. Sekiranya ia daripada manusia ia adalah satu doa kepada orang berkenaan supaya dilaknat (al-Asfahāniy, 1998: 741).

Dalam al-Quran dinyatakan بَلْ لَعْنَهُمُ اللَّهُ بِكُفْرِهِمْ (“bahkan Allah akan melaknat mereka disebabkan kekufuran mereka” surah al-Baqarah 2:88) iaitu Allah akan menjauhkan mereka daripada mendapat rahmatnya dan mereka berhak mendapat azab, dengan demikian mereka akan mendapat kebinasaan. Laknat dalam al-Quran datang dengan maksud azab dan Allah melaknatnya bermaksud Allah akan mengazabnya (Ibn Manzūr, 1994).

Begitu juga al-Jurjāniy (1998) yang turut membezakan kesan perlakuan laknat sebagai batas yang membezakan antara laknat Allah dengan laknat daripada makhluk. Berdasarkan pandangan sarjana yang dinyatakan, ternyata kesan perlakuan laknat adalah daripada Allah dan ia disandarkan kepada manusia atau makhluk selain Allah secara *majāz* sahaja, iaitu dalam bentuk doa supaya orang yang didoakan akan menerima kesan laknat berkenaan (Dawūd, 2016). Justeru terdapat penggunaan elemen *majāz* ‘aqliy melalui pendekatan menyandarkan suatu perlakuan bukan kepada pelakunya dalam hadis berkaitan laknat yang dinyatakan.

Nas-nas dalam hadis yang dinyatakan semuanya mengaitkan perlakuan laknat dengan Rasulullah SAW iaitu Rasulullah SAW melaknat golongan yang dinyatakan secara khusus iaitu *الْمُنْتَسِبِينَ* (lelaki menyerupai wanita), *الْمُنْتَسِبَاتِ* (wanita menyerupai lelaki), *الْمُخْتَلِينَ* (lelaki bersifat kewanitaan), *الْمُتَرْجَلَاتِ* (wanita bersifat kelelakian) dan ungkapan *الرَّجُلُ يَلْبَسُ لِبْسَ الْمَرْأَةِ* (lelaki yang memakai pakaian wanita) dan *الْمَرْأَةُ تَلْبَسُ لِبْسَ الرَّجُلِ* (perempuan yang memakai pakaian lelaki). Oleh yang demikian, maksud laknat dalam hadis yang dinyatakan semuanya adalah doa ke atas golongan yang dinyatakan. Oleh kerana doa ke atas salah laku moral melibatkan jantina ini keluar daripada Rasulullah dan doa Rasulullah SAW pasti berlaku (al-Zayyāt, 2008), maka ini merupakan ancaman yang sangat serius kepada pelaku kesalahan berkenaan. Menurut al-Qurtubiy (1993) Rasulullah SAW tidak akan melaknat melainkan golongan yang sudah pasti menerima laknat. Justeru apabila laknat baginda melibatkan golongan yang dinyatakan dengan jelas dalam hadis-hadis kajian, maka golongan yang ditujukan laknat berkenaan sememangnya layak untuk dilaknat kerana keangkuhan mereka melakukan perkara yang ditegah secara terang terangan.

Menurut al-Zayyāt (2008:14) laknat dalam al-Quran digunakan untuk mencela golongan yang menunjukkan penentangan terhadap agama sama ada dari luar seperti iblis, orang kafir dan ahli kitab atau dari dalam seperti orang-orang yang melakukan pelanggaran norma yang dikehendaki agama seperti berlaku zalim, membunuh, menuduh orang yang baik dengan tuduhan zina dan memutuskan silatulrahim yang boleh merosakkan institusi kemasyarakatan. Manakala pelaku salah laku moral melibatkan jantina ini menerima kecaman dengan gaya yang sama dengan golongan-golongan yang dinyatakan ini. Hal ini menunjukkan kerendahan kedudukan golongan ini dari perspektif agama.

2- Menggunakan perkataan *يُبَاشِرُ* dan *تُبَاشِرُ* untuk merujuk kepada hubungan jenis sesama lelaki atau sesama wanita

Dalam menyatakan celaan terhadap hubungan jenis sesama jantina Rasulullah SAW menggunakan perkataan *يُبَاشِرُ* – *تُبَاشِرُ* dalam hadis yang berbunyi:

لَا تُبَاشِرُ الْمَرْأَةَ الْمَرْأَةَ إِلَّا وَهِيَ زَانِيَةٌ، وَلَا يُبَاشِرُ الرَّجُلَ الرَّجُلَ إِلَّا
وَهُمَا زَانِيَانِ.

Terjemahan: *Tidaklah saling menyentuh kulit seorang wanita dengan seorang wanita melainkan mereka berdua itu berzina dan tidaklah saling menyentuh kulit seorang lelaki dengan seorang lelaki melainkan mereka berdua itu berzina* (al-Ṭabrānīy. no hadis: 8807).

Maksud perkataan *بَاشَرَ يُبَاشِرُ* ini pada asalnya ialah saling menyentuh kulit dengan kulit (*Mu'jam al-Wasīṭ*). Ia juga menunjukkan makna saling bersentuhan kulit antara lelaki kulit perempuan (Ibn al-Athīr, 1963: 312). Akan tetapi ia juga digunakan secara *kināyah* untuk menunjukkan makna perlakuan bersetubuh atau jimak. Contohnya firman Allah SWT:

وَلَا تُبَاشِرُوهُنَّ وَأَنْتُمْ عَاكِفُونَ فِي الْمَسَاجِدِ ۗ

Terjemahan: “*dan janganlah kamu menyentuh kulit isteri-isteri kamu ketika kamu sedang beriktikaf di masjid*” (surah al-Baqarah 2:187)

Yang dimaksudkan dengan larangan menyentuh isteri dalam ayat ini ialah jimak (al-Sayūṭīy, t.t). Justeru, menurut al-Asfahānīy (1998) perkataan ini digunakan secara *kināyah* untuk merujuk kepada perlakuan jimak. Dalam konteks hadis pula, ia merujuk kepada perlakuan hubungan jenis antara lelaki dengan lelaki (gay) dan antara perempuan dengan perempuan (lesbian).

Oleh yang demikian, terdapat penggunaan elemen *kināyah* dalam celaan Rasulullah SAW ini. Penggunaan perkataan *يُبَاشِرُ – تُبَاشِرُ* yang makna asalnya ialah saling bersentuhan kulit untuk mengisyaratkan kepada perlakuan hubungan jenis sesama jantina dinamakan *kināyah* simbolik diri, iaitu dinyatakan perlakuan saling bersentuhan kulit sesama lelaki atau sesama wanita, akan tetapi yang dimaksudkan ialah makna yang lazim baginya iaitu perlakuan melakukan hubungan jenis sesama jantina.

Dalam menggambarkan celaan terhadap perlakuan lelaki menggauli lelaki dan wanita menggauli wanita Rasulullah SAW menyamakannya

dengan perlakuan zina. Perlakuan zina adalah jenayah. Ia meruntuhkan institusi kemasyarakatan. Ia mengancam keharmonian dalam kehidupan, menimbulkan perpecahan dan menjatuhkan maruah manusia. Bahayanya digambarkan oleh Allah S.W.T. dalam surah al-Isrā' (17: 32) sebagai satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat yang membawa kerosakan. Justeru Allah SWT meletakkan hukuman paling berat bagi jenayah ini melalui firmanNya:

{الرَّائِيَةُ وَالرَّائِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا مِئَةَ جَلْدَةٍ وَلَا تَأْخُذْكُمْ
بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ }

Terjemahan: *Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat; dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap keduanya dalam menjalankan hukum Allah (surah al-Nūr 24:2)*

Celaan baginda dengan menyamakan perlakuan ini dengan jenayah yang paling keji dan dicela agama ini (surah al-Isrā' 17: 32) menggambarkan pendirian baginda sebagai nabi *rahmatan li al-'ālamīn* terhadap perlakuan yang tidak bermoral berkenaan.

3- Menggunakan ungkapan *عَمَلٍ قَوْمِ لُوطٍ* untuk merujuk kepada perlakuan liwat

Dalam menyatakan celaan terhadap hubungan sesama lelaki, Rasulullah SAW menggunakan ungkapan *عَمَلٍ قَوْمِ لُوطٍ* (melakukan amalan kaum Lūṭ) dalam hadis yang berbunyi:

مَنْ وَجَدْتُمُوهُ يَعْمَلُ عَمَلِ قَوْمِ لُوطٍ فَأَقْتُلُوا أَلْفَاعِلَ وَالْمَمْعُولَ بِهِ

Terjemahan: *Sesiapa yang kamu dapati melakukan amalan kaum Lūṭ, maka bunuhlah kedua-dua pelakunya (al-Tirmīziy, no hadis: 1481).*

Ungkapan “amalan kaum Lūṭ” bermaksud perlakuan lelaki mendatangi lelaki (al-Ājurriy, t.t: 22). Ia juga didefinisikan sebagai mendatangi lelaki dari dubur atau lelaki yang hanya berkeinginan kepada lelaki atau lelaki yang menyetubuhi lelaki (al-Ḥamad, 1994). Perlakuan seperti ini dinamakan amalan kaum Lūṭ kerana ia sinonim dengan kaum ini dan dikatakan pencetus kepada perlakuan sumbang ini (al-

Hamad, 1994). al-Quran memberikan penyaksian bahawa kaum Lūt adalah pencetus kepada gejala ini melalui firman Allah SWT:

وَلَوْطًا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَتَأْتُونَ الْفَاحِشَةَ مَا سَبَقَكُمْ بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِّنَ الْعَالَمِينَ

Terjemahan: *Dan nabi Lūt juga (kami utuskan).*

Ingatlah ketika dia berkata kepada kaumnya:

“patutkah kamu melakukan perbuatan keji, yang

tidak pernah dilakukan oleh seorang pun daripada

penduduk alam ini sebelum kamu? (surah al-A‘rāf

7:80).

Perlakuan keji kaum Lūt yang mendatangi lelaki sejenis digambarkan sebagai perlakuan buruk yang tidak pernah dilakukan oleh kaum lain sebelum mereka. Penyaksian ini menunjukkan bahawa merekalah pencetus kepada gejala tidak bermoral ini. Oleh yang demikian, ungkapan amalan kaum Lūt digunakan secara *kināyah* untuk menunjukkan kepada perlakuan lelaki mendatangi lelaki atau lelaki yang mempunyai keinginan kepada sesama lelaki.

Kisah kaum Lūt ini masyhur dan diceritakan dalam surah *al-A‘rāf*, surah *Hūd*, surah *al-Hijr*, surah *al-Anbiyā’*, surah *al-Shu‘arā’*, surah *al-Naml*, surah *al-Ankabūt*, surah *al-Şaffāt* dan surah *al-Qiyāmah*.

Ayat-ayat ini menceritakan mengenai kaum nabi Lūt dan perlakuan buruk mereka. Nabi Lūt berusaha untuk menyekat perlakuan keji berkenaan serta memberi peringatan mengenai ancaman Allah kepada mereka. Apabila kaum itu berterusan melakukan perlakuan sumbang berkenaan dan menikmati perkara yang diharamkan oleh Allah, mereka dibinasakan dengan cara yang paling dahsyat dan diseksa dengan cara yang paling menakutkan. Antaranya dinyatakan bahawa mata mereka dibutakan, Jibril mencabut bandar-bandar mereka dengan sayapnya sehingga terangkat ke langit, lalu diterbalikkan ke atas mereka. Mereka dilontar secara bertalu-talu dengan batu dari neraka *sijjīl*. Tiada seorang pun yang selamat daripada terkena lontaran berkenaan. Dengan demikian kaum berkenaan musnah semuanya.

Dalam menyatakan celaan terhadap perlakuan sumbang ini, Rasulullah SAW mengaitkannya secara *kināyah* dengan perlakuan kaum nabi Lūt. Pernyataan secara *kināyah* ini memberikan gambaran mengenai keburukan perlakuan berkenaan serta ancaman yang menanti pelaku sumbang itu. Ia juga mengisyaratkan secara halus bahawa baginda

SAW membawa mesej yang sama seperti rasul sebelumnya yang mencela perlakuan berkenaan.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan perbincangan, didapati elemen *bayān* yang diterapkan oleh Rasulullah SAW dalam menyatakan pendirian berkaitan salah laku moral yang melibatkan jantina boleh dirumuskan seperti berikut:

Jadual 2: Elemen *majāz* dalam *bayān* Rasulullah S.A.W. berkaitan dengan salah laku moral melibatkan jantina

Ungkapan	Makna	Elemen Majāz	Jenis Majāz
لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرَّجُلَ يَلْبَسُ لُبْسَ الْمَرْأَةِ ، وَالْمَرْأَةَ تَلْبَسُ لُبْسَ الرَّجُلِ	perkataan laknat dengan maksud doa supaya diazab	sandaran kata kerja bukan kepada pelaku	<i>Majāz 'Aqliy</i>
لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُتَشَبِّهِينَ مِنَ الرِّجَالِ بِالنِّسَاءِ وَالْمُتَشَبِّهَاتِ مِنَ النِّسَاءِ بِالرِّجَالِ	perkataan laknat dengan maksud doa supaya diazab	sandaran kata kerja bukan kepada pelaku	<i>Majāz 'Aqliy</i>
لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُخْتَلِئِينَ مِنَ الرِّجَالِ وَالْمُتَرَجِّلَاتِ مِنَ النِّسَاءِ	perkataan laknat dengan maksud doa supaya diazab	sandaran kata kerja bukan kepada pelaku	<i>Majāz 'Aqliy</i>
تُبَاشِرُ الْمَرْأَةُ الْمَرْأَةَ	bersentuhan kulit antara sesama wanita untuk merujuk perlakuan lesbian	tiada petunjuk menghalang makna asal	<i>Kināyah simbolik diri</i>
يُبَاشِرُ الرَّجُلُ الرَّجُلَ	bersentuhan kulit antara sesama lelaki untuk merujuk	tiada petunjuk menghalang makna asal	<i>Kināyah simbolik diri</i>

عَمَلٌ قَوْمٍ لُوطٍ	perlakuan gay		
	amalan kaum Lūṭ	tiada petunjuk	<i>Kināyah</i>
	untuk merujuk	menghalang	simbolik
	perlakuan gay	makna asal	diri

Merujuk kepada jadual yang dipaparkan, didapati pendekatan yang digunakan oleh Rasulullah SAW ialah pendekatan *majāz* sama ada *majāz ‘aqliy* atau *majāz lughawiy*. *Majāz ‘aqliy* berlaku kerana ada sandaran kata kerja laknat kepada Rasulullah SAW sedangkan pelaku sebenar ialah Allah SWT. Manakala pendekatan *majāz lughawiy* yang digunakan pula ialah *kināyah*. Keistimewaan menggunakan pendekatan *majāz* dalam pertuturan ialah penutur dapat menyampaikan maksud dengan menggunakan ungkapan yang sedikit tetapi mampu menyampaikan mesej yang jelas kepada pendengar. Ungkapan “amalan kaum Lūṭ” contohnya menunjukkan maksud yang sangat jelas kepada makna yang ingin dinyatakan tanpa memerlukan huraian yang panjang.

Penerapan elemen *kināyah* pula menyumbang kepada perluasan makna (al-Jurjāniy, 1994) berbanding cakap terus. Ungkapan seperti “lelaki menyerupai wanita” atau “saling menyentuh kulit sesama jantina” akan membuka ruang kepada perluasan makna menyebabkan ia sentiasa relevan untuk digunapakai dalam semua situasi yang menunjukkan perlakuan salah laku moral melibatkan jantina.

PENUTUP

Analisis terhadap elemen *bayān* dalam hadis-hadis berkiatan telah menemukan implikasi bahawa Rasulullah cenderung menggunakan gaya bahasa *majāz* yang bersifat figuratif atau menunjukkan makna yang lebih abstrak atau imaginatif daripada makna biasa, mempunyai makna lebih mendalam, bersifat kiasan dan kadang-kadang terselindung di sebalik lambang-lambang tertentu. Tujuannya adalah untuk menjadikan bentuk pengucapan lebih halus, menjadikan penyampaian maksud lebih berkesan dan menimbulkan tarikan kepada pendengar serta meninggalkan kesan yang lebih mendalam kepada pendengar.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran

‘Abbās, Fadl Ḥasan. (2009). *al-Balāghat Fununu-ha Wa Afnanu-ha; ‘Ilm Al-Bayān wa al-Badī’*. ‘Ammān: Dār al-Nafā’is.

- ‘Abd al-Salām, Al-‘Izz (1403H). *Bidāyat al-Sūl fī Tafdīl al-Rasūl S.A.W.*. sunt. Muḥammad Naṣr al-Dīn al-Albāniy. Beirut: al-Maktab al-Islāmiy.
- Aḥmad bin Ḥanbal. (2008). *Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal*. sunt. Aḥmad Ma‘bad ‘Abd al-Karīm. t.tp: Jam‘iyyah al-Makniz al-Islāmiy.
- ‘Atīq, ‘Abd al-‘Azīz. (t.th). *Fī Tārikh al-Balāghah al-‘Arabiyyah*. Beirut: Dār al-Nahḍah al-‘Arabiyyah.
- al-Ājurriy, Muḥammad bin Ḥusayn. (t.t) *Dhamm al-Liwāt*. Kaherah: Maktabah al-Qurān.
- al-‘Alawiy, Yahya bin Ḥamzah al-Yamaniy. (2002). *Al-Ṭirāz al-Mutadammin Li Asrār al-Balāghah Wa ‘Ulūm Ḥaqā’iq al-I’jāz*. sunt. ‘Abd al-Ḥamid al-Hindāwiyy. Beirut: al-Maktabat al-‘Asriyyah.
- al-Asfahāniy, al-Raghib. (1998). *Mu‘jam Mufradāt Alfāz al-Qurān*. sunt. Ṣafwān ‘Adnān Dāwūdiy. Damsyik: Dār al-Qalam.
- al-Bayyūmiy, Muḥammad Rajab. (1987). al-Bayān al-Nabawiy. al-Manṣūrah: Dār al-Wafā’ Li al-Nashr Wa al-Tawzī‘.
- al-Fayruzābādiy, Majid al-Dīn Muḥammad bin Ya‘kūb. (1994). Al-Qāmus al-Muḥīṭ. Beirut: Mu’assasah al-Risālah.
- al-Ḥamad, Muḥammad Ibrāhīm. (1994). *al-Fāhishaṭ ‘Amal Qawm Lūt*, Riyād: Dār Ibn Khuzaymah.
- al-Hāshimiy, al-Sayyid Aḥmad. (1998). *Jawāhir al-Balāghah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Jāhiz, Abū ‘Uthmān ‘Amrū bin Baḥr. (1968). *Al-Bayān Wa al-Tabayīn*. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabiyy.
- al-Jurjāniy, ‘Aliy bin Muḥammad bin ‘Aliy. (1998). *Kitāb al-Ta’rīfāt*. sunt. Ibrāhīm al-Abyariyy. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabiyy.
- al-Mubārakfuriy, Muḥammad ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Abd al-Raḥīm. (t.th). Tuḥfat al-‘Ahwāziy Bi Sharh Jāmi’ al-Tirmīdhiy. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Munawiy, Muḥammad ‘Abd al-Ra’ūf. (1972). *Fayd al-Qadīr Sharh al-Jāmi’ al-Saghīr*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah.
- al-Nawawiy, Muḥyi al-Dīn. (1994). *Al-Mīnhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Ḥajjāj*. sunt. al-Shaykh Khalīl Ma’mūn Shiha. Beirut: Dār al-Ma‘rifah.
- al-Qaradāwiyy, Yusuf. (2002). *Kayfa Nata‘amal Ma‘ā al-Sunnah*. Kaherah: Dār al-Shurūq.
- al-Qurṭubiy, Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣāriyy. (1993). *al-Jāmi’ li Ahkām al-Qur’ān*. Mekah: al-Maktabah al-Tijāriyyah.
- al-Rāziy, Muḥammad bin Abū Bakr bin ‘Abd al-Qadīr. (1987). *Mukhtār al-Ṣiḥāh*. Beirut: Dār al-Jayl.
- al-Rāfi‘iy, Muṣṭafa Ṣādiq. (1998). *Al-Balāghah al-Nabawiyyyah*. sunt. Ikhlaṣ Fakhriy ‘Ammārah. Kaherah: Maktabah al-Adab.
- al-Ṣabbāgh, Muḥammad. (1988). *Al-Taṣwīr al-Fanniy Fī al-Hadīth al-Nabawiy*. Beirut: al-Maktab al-Islāmiy.
- al-Sayūṭiy, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān bin Abū Bakr. (t.t). *Tafsīr al-Jalālayn*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah.

- al-Sharif al-Raḍiy, Abū al-Ḥusayn Muḥammad bin Abū Aḥmad. (1937). *Al-Majzāt al-Nabawiyah*. sunt. Maḥmūd Muṣṭafa. Mesir: Maktabah Muṣṭafa al-Bābiy al-Ḥalabiy Wa Awlādu-hu.
- al-Ṭabrāniy, Abū Qāsim Sulaymān bin Aḥmad. (1995). *al-Mu‘jam al-Awsaṭ*. sunt. Ṭāriq bin ‘AwḍAllah, ‘Abd al-Muḥsin bin Ibrāhīm. Kaheerah: Dār al-Ḥaramayn.
- al-Thaqafiy, Aḥmad ‘Idah Aḥmad. (2002). *Al-Tashbīh Fī Ṣaḥīḥ Muslim; Dirāsah Taḥlīliyah*. Tesis Sarjana. Mekah: Umm al-Qurā University.
- al-Zayyāt, Maḥmūd Muḥammad ‘Aliy. (2008). *Al-La’n wa al-Mal’ūnūn Dirāsah Qur’āniyyah*. Tesis Sarjana. Palestin: al-Najāḥ University.
- Balba’, ‘Id. (2008). *Al-Siyāq wa Tawjīh Dilālat al-Naṣ*. Al-Madīnah: Balansariyyah li al-Nashr wa al-Tawzi’.
- Dawūd, Muḥammad Muḥammad. (2016). *Kalimāt al-Qurān Bayna al-Haqīqah wa al-Majāz*. dalam *Multaqā al-Rābī’ li al-Ta’ṣīl al-Ma’rifiy*. (dipetik daripada <http://www.quran-unv.edu.sd/announcements/5> pada 1 Okt 2018).
- Hamādah, Farūq. (2007). *Murā’āt al-Siyāq wa Atharu-hu fī Fahm al-Sunnah al-Nabawiyah*. Jurnal al-Ihya’. Vol. 26. Ribāṭ: al-Rābitaṭ al-Muḥammadiyah li al-‘Ulamā’ (h: 65 – 77).
- Ḥamūd, Muṣ‘ab. (2010). *Al-Ikhtirā’ Fī al-Kināyat al-Nabawiyah Wa Atharuhu Fī Kalām al-‘Arab*. Majallah Jāmi‘ah Dimashq Li al-‘Ulūm al-Iqtisādiyyah Wa al-Qānūniyyah. Vol. 1, bil. 26, hal. 699-728.
- Ibn al-Athīr, Majd al-Dīn al-Mubārak bin Muḥammad al-Jazariy. (1963). *Al-Nihāyah Fī Gharīb al-Ḥadīth Wa al-Athar*. sunt. Ṭahir Aḥmad al-Zawiy et al.. Kaheerah: Dār al-Kutub al-Miṣriy.
- Ibn Fāris, Abu al-Ḥusayn Aḥmad bin Fāris bin Zakariyya. (1994). *Mu‘jam al-Maqāyis Fī al-Lughah*. sunt. Shihāb al-Dīn Abū ‘Amrū. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Ḥajar, Aḥmad bin ‘Aliy bin Ḥajar al-‘Asqalāniy. (1989). *Faṭḥ al-Bāriy Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*. sunt. ‘Abd al-‘Azīz bin Bāz. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Ḥazm, ‘Aliy bin Aḥmad bin Sa‘īd. (2003). *al-Muḥalla bi al-Āthār*. sunt. ‘Abd al-Ghaffār Sulaymān al-Bandāriy, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Manzūr, Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Makram. (1994). *āal-‘Arab*. Beirut: Dār al-Fikr.
- ‘Izz al-Dīn, Kamāl. (1984). *Al-Ḥadīth al-Nabawiy al-Sharif min al-Wujhaṭ al-Balāghiyah*. Beirut: Dār Iqrā’.
- Lāshīn, ‘Abd al-Fattāḥ. (1998). *Al-Bayān Fī Daw’ Asālib al-Qur’ān*. Kaheerah: Dār al-Ma‘ārif.
- Mohamad Syukri Abdul Rahman. (2010). *Analisis Isti‘arah Dalam Kitab Riyad al-Salihin*. Tesis Ph.D. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Izwan Md Yusuf, Muhd Najib Abdul Kadir, Mazlan Ibrahim, Khadher Ahmad, Murshidi Mohd Noor. (2015). *Hadis-Hadis Sahih Berkaitan Perlakuan LGBT*. Kuala Lumpur: Jakim.

- Muslim, Ibn al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qushayriy al-Naysāburiy. (1998). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Riyād: Dār al-Salām.
- Muṣṭafa, Ibrāhīm et al. (1989). *Mu‘jam al-Wasīf*. Istanbul: Dār al-Da‘wah.
- Sha‘bān, Marwah Ibrāhīm. (2007). *Al-Aḥādīth al-Qudsīyyah; Dirāsah Balāghīyyah*. Tesis Sarjana. Gaza: Universiti Islam Gaza.
- Shams al-Ḥaq, Muḥammad Shams al-Ḥaq al-‘Azim Abādiy. (1995). *‘Awn al-Ma‘būd Sharh Sunan Abī Dāwūd*. Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Wan Muhammad Wan Sulong. (2013). *Al-Tanawwu‘ al-Lughawiy al-Ijtimā‘iy Fī Uslūb al-Khiṭāb al-Nabawiy: Dirāsah Taḥlīliyyah fī Namādhij min Aḥādīth Ṣaḥīḥ Muslim*. Tesis PhD. Gombak: IIUM

Mohamad Hussin (PhD.)

Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-bahasa Timur Tengah

Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya,

50603 Kuala Lumpur.

E-mail: mohamadhussin@um.edu.my

Mohd Zaki Abd Rahman (PhD.)

Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-bahasa Timur Tengah

Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya,

50603 Kuala Lumpur.

E-mail: mzakirah@um.edu.my

Zulkifli Ismail (PhD.)

Jabatan Bahasa Asing, Fakulti bahasa Moden dan Komunikasi

43400 Serdang, Selangor

E-mail: zulismail@upm.edu.my